



14H11M BALKANS BERSEJARAH



HARI 01

KUALA LUMPUR - ISTANBUL

Berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk menaiki penerbangan ke Athens melalui Istanbul.

HARI 02

ISTANBUL - ATHENS



Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Athens, tetamu akan dibawa ke restoran tempatan untuk makan tengahari. Kemudian di bawa untuk daftar masuk hotel dan rehat sementara menunggu waktu untuk makan malam.

HARI 03

ATHENS



- Sarapan pagi di hotel.
- Lawatan di sekitar kotaraya Athens; melihat kesan peninggalan kerajaan Yunani di atas puncak bukit Acropolis seperti Parthenon, Propylaea dan Temple of Athena Nike sebelum berfoto kenangan di Athens Olympic Stadium, Old Royal Palace yang kini merupakan tempat parlimen Greece bersidang, Tomb of the Unknown Soldier, Temple of Olympian Zeus, Presidential Mansion dan Fethiye Mosque yang kini merupakan sebuah muzium.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan dibawa bersiar-siar di Syntagma Square sambil membeli-belah di Plaka dan Monastiraki yang banyak menjual barangan dan cenderahati buatan penduduk tempatan.
- Makan malam di restoran tempatan dan pulang ke hotel.

HARI 04

ATHENS - KALAMBAKA



- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke Kalambaka yang mempunyai pemandangan indah 6 buah biara yang setiap satunya dibina di atas puncak bukit.
- Setibanya di sana, berfoto di The Great Meteora Monastery di mana ia merupakan biara yang tertinggi, terbesar dan tertua daripada keseluruhan biara yang terdapat di sini.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan bersiar-siar di pekan kecil Kalambaka untuk mencari cenderamata terutamanya madu.
- Daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 05

KALAMBAKA - BITOLA - OHRID



- Sarapan pagi di hotel.
- Bertolak menuju ke Ohrid melalui bandar Bitola yang terletak di dalam negara Macedonia.
- Melawat Ataturk Museum, Turkish Bazaar, Yeni Mosque, Philip II of Macedon, Clock Tower dan bersolat di Ishak Celebi Mosque.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan meneruskan perjalanan.
- Setibanya di bandar Ohrid, melawat Cinar Square, Ayasofya Church, Kuloglu Mosque, Halveti Hayati Tekke dan Amphitheatre.
- Daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 06

OHRID - TIRANA - BAR



- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke ibu negara Albania, Tirana dan melawat Skanderbeg Square dan bersolat di Ethem Bey Mosque.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan berangkat menuju ke Bar.
- Seterusnya tetamu dibawa melawat ke Bar Islamic Centre.
- Daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 07

BAR - BUDVA - KOTOR - DUBROVNIK



- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak menuju ke kota Budva yang terletak di dalam negara Montenegro dan melawat tarikan di situ; The Old Town Stari Grad, Poet's Square, Budva Citadel, Church of St. John dan Mogren Beach.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan bertolak menuju ke Kotor yang banyak mercu tandanya merupakan tapak UNESCO World Heritage Sites.
- Melawat Old Town, St. Trifon Cathedral, Sea Gate of 1555, Square of Arms, Orthodox Square, Maritime Museum, Napoleons Theatre dan Prince's Palace.
- Bertolak ke Dubrovnik yang terkenal dengan tembok kota tepi lautnya di dalam negara Croatia, daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 08

DUBROVNIK - NEUM - POCITELJ - BLAGAJ - MOSTAR



- Sarapan pagi di hotel dan daftar keluar hotel.
- Seterusnya tetamu di bawa melawat sekitar bandar Dubrovnik yang dikenali sebagai "Pearl of the Adriatic"; Franciscan Monastery, Rector's Palace yang di bina sejak awal kurun ke-13 lagi, Museum of Croatian War of Independence, Stradun Square, Clock Tower dan Orlando's Column yang terletak di Luza Square.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan kemudian bersiar-siar sambil membeli cenderahati di Old Town Stradun sebelum bertolak menuju ke bandar Mostar yang terletak di dalam negara Bosnia and Herzegovina.
- Singgah sebentar dan melawat tarikan di perkampungan zaman Uthmaniyyah sejak 1383 lagi iaitu Pocitelj; Ali Pasha Mosque, Time Tower and The Outdoors dan merakam pemandangan panorama dari Hill of Pocitelj.
- Seterusnya melawat perkampungan Blagaj di mana terletaknya sekolah sufi Dervish Tekke di tepi Buna River Spring yang amat cantik dengan airnya yang sangat jernih.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan meneruskan perjalanan.
- Setibanya di Mostar, makan malam dan daftar masuk hotel.

HARI 09

MOSTAR - SARAJEVO



- Sarapan pagi di hotel dan daftar keluar hotel.
- Lawatan sekitar kota Mostar yang merupakan kawasan yang amat terkesan dibom semasa Perang Bosnia.
- Melawat Old Bridge Stari Most yang amat terkenal baik dari segi sejarahnya sejak 1566 dan keindahannya, menyelusuri kawasan Old Town, Koski Mehmed Pasha Mosque, Nesuh-Aga Mosque dan lawatan ke Narrow Bridge.
- Makan tengah hari di restoran tempatan.
- Bertolak menuju ke Sarajevo, daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 10



SARAJEVO

- Sarapan pagi di hotel.
- Seterusnya lawatan ke **Tunnel of Hope** iaitu terowong yang menyelamatkan Sarajevo semasa Perang Bosnia. Kemudian lawatan ke **Vrelo Bosne** yang merupakan Taman Negara Bosnia. Bertolak ke kotaraya **Sarajevo** yang dikenali sebagai kota lama Bascarija dan menyimpan pelbagai sejarah lampau dan moden.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan melawat **Eternal Flame** yang merupakan simbol memori bagi tentera dan penduduk tempatan yang gugur ketika Perang Dunia Kedua, lawatan dan berfoto di **City Hall & The House of Spite, Bascarsi Mosque** bersolat di Gazi Husrev-bey Mosque, berfoto kenangan di air pancut **Sebilj, Sacred Heart Cathedral** dan membeli-belah di **Bazaar**.
- Kembali ke hotel dan makan malam.

HARI 11



SARAJEVO - AHMICI - TRAVNIK - JAJCE - BIHAC

- Sarapan pagi di hotel dan daftar keluar hotel.
- Bertolak ke bandar **Travnik** dan singgah sebentar dan melawat **116 Monument** di perkampungan **Ahmici** yang merupakan medan tragedi pembunuhan beramai-ramai yang tragik oleh tentera Serbia ketika Perang Bosnia selain Sebrenica.
- Meneruskan perjalanan ke Travnik dan setibanya di sana, melawat **Fortress Stari Grad** yang dibina oleh Empayar Uthmaniyyah, **Ahmici Memorial, Castle of Travnik, Elci Ibrahim Pasha Medresesi, Varos Mosque** dan menikmati keindahan alam semula jadi di Blue Water. Makan tengahari di restoran tempatan sebelum meneruskan perjalanan ke **Jajce**. Setibanya di sana, bergambar dengan berlatar belakangkan **Pliva Waterfall** dan **Watermills Open Air Museum**. Kemudian bertolak ke **Bihac**, daftar masuk hotel dan makan malam.

HARI 12



BIHAC - PLITVICE LAKES NATIONAL PARK - ZAGREB

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Bertolak ke **Plitvice Lakes National Park** yang terletak di dalam negara Croatia untuk melawat taman negara tertua dan terbesar di Balkans itu. Tetamu berpeluang meniti jambatan pejalan kaki merentasi tasik ini sambil berfoto kenangan di kawasan tasik yang dianggap sebagai syurga dunia ini.
- Makan tengahari di restoran tempatan dan bertolak ke Zagreb.
- Setibanya di Zagreb, makan malam di restoran tempatan dan daftar masuk hotel.

HARI 13



ZAGREB - ISTANBUL

- Sarapan pagi dan daftar keluar hotel.
- Kemudian di bawa melawat tarikan di sekitar kotaraya **Zagreb** antaranya ialah **Zagreb City Scale Model, Old Town Gate, Mark's Square, Dolac Market, Cathedral of Zagreb, Strossmayer Promenade, Croatian National Theater**
- Makan tengahari di restoran tempatan.
- Bertolak ke Lapangan Terbang Zagreb untuk menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur melalui Istanbul.

HARI 14

ISTANBUL - KUALA LUMPUR

- Selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan kenangan terindah yang menakjubkan di bumi Balkans.

DUBROVNIK



ACROPOLIS



PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi beserta cukai lapangan terbang.
- Penginapan 11 malam yang selesai di hotel 4* (rujuk jadual senarai hotel)
- Tiket masuk ke tempat lawatan : Acropolis, Blagaj Dervish Lodge, Vrelo Bosna, Travnik Castle, Plitvice National Park dan Tunnel of Hope.
- Makanan sesuai Muslim seperti yang terdapat di dalam aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran yang selesai dan lawatan seperti aturcara. Perkhidmatan pemandu pelancong berbahasa Inggeris yang berpengalaman.
- Tip kepada pemandu pelancong dan kapten bas persiaran.
- Diiringi ketua rombongan dari Kowamas Holidays Sdn. Bhd. yang terlatih.
- Percuma beg kembara Kowamas Holidays Sdn. Bhd. setiap seorang (kecuali bayi).

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Surcaj tambahan ketika musim puncak, perayaan dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti dobi, mini bar dan perkhidmatan porter dll.
- Makanan dan lawatan termasuk tiket selain yang dinyatakan dalam aturcara.
- Bayaran tambahan bagi lebihan had bagasi yang di bawa.
- Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan di dalam aturcara.
- Insurans kembara (travel insurance) – sila hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans kembara yang sesuai.

HARGA PAKEJ

HARGA SEORANG MENGIKUT

BILIK SEORANG	BILIK BERDUA	KANAK KANAK BERDUA	KANAK KANAK BERKATIL	KANAK KANAK TANPA KATIL
RM 9,788	RM 8,488	RM 8,288	RM 7,068	RM 6,068

**Semua harga pakej yang ditawarkan di sini adalah tertakluk kepada perubahan semasa kadar tukaran matawang Ringgit Malaysia (MYR) dengan matawang US Dollar (USD) dan Euro (EUR). Harga pakej akan berubah sekiranya kadar tukaran semasa Telegraphic Transfer (TT rates) pihak bank melebihi USD1 = MYR4.50 dan EUR1 = MYR5.20. Notis secara rasmi akan diberikan kepada pelanggan yang telah menempah pakej tersebut dalam tempoh 30-45 hari sebelum berlepas.

TARIKH BERANGKAT

BULAN	HARI
MAC	27

INFO PENERBANGAN

HARI	PESAWAT	DESTINASI	ETD	ETA
01	TK 61	KL – Istanbul	2335	0515+1
02	TK 1845	Istanbul – Athens	0715	0840
13	TK 1056	Zagreb – Istanbul	2010	2320
14	TK 60	Istanbul – KL	0130	1655

#Waktu penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa.

INFO HOTEL

Athens	Hotel President / setaraf	★★★★★
Kalambaka	Hotel Famissi Eden / setaraf	★★★★★
Ohrid	Hotel Mirage / setaraf	★★★★★
Bar	Hotel Princess / setaraf	★★★★★
Dubrovnik	Hotel Adria / setaraf	★★★★★
Mostar	Hotel Villa Eden / setaraf	★★★★★
Sarajevo	Hotel Hollywood / setaraf	★★★★★
Bihac	Hotel Emporium / setaraf	★★★★★
Zagreb	Hotel Aristos / setaraf	★★★★★

DEPOSIT & PEMBAYARAN

- Deposit RM2000 seorang diperlukan selepas 5 hari tempahan disahkan.
- Pembayaran baki harga penuh pakej perlu dilakukan 45 hari sebelum berlepas.
- Sekiranya pembayaran penuh gagal dilakukan dalam tempoh tersebut, Kowamas Holidays berhak membatalkan tempahan tersebut dan mengenakan caj admin mengikut jadual dibawah.

HARGA PAKEJ	AMAUN DEPOSIT	TEMPOH PERLU DIBAYAR	BAKI DEPOSIT	CAJ ADMIN
Bawah RM 1999	RM 300	5 hari selepas tempahan disahkan	45 hari sebelum berlepas	RM 150
RM 2000 – RM 3999	RM 500			RM 250
RM 4000 – RM 5999	RM 1000			RM 500
RM 6000 – RM 7999	RM 1500			RM 700
RM 8000 & ke atas	RM 2000			RM 1000

PEMBATALAN TEMPAHAN

- Pembatalan tempahan hendaklah dibuat secara bertulis atau e-mel dalam mengelakkan sebarang kesilapan komunikasi.
- Sekiranya ingin membuat pembatalan, mesti dibuat 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas. Caj pembatalan adalah seperti jadual di bawah :

Caj Pembatalan	
Tempoh	Caj Pembatalan
45 hari atau lebih sebelum berlepas	Pemulangan deposit selepas caj admin ditolak
30 – 44 hari sebelum berlepas	Tiada pemulangan deposit
21 – 29 hari sebelum berlepas	50% dari harga pakej
15 – 20 hari sebelum berlepas	75% dari harga pakej
Bawah 15 hari sebelum berlepas	100% dari harga pakej

NOTA PENTING

- Harga yang disenaraikan adalah tertakluk kepada perubahan mata wang, surcaj bahan api dan cukai lapangan terbang.
- Kami berhak untuk mengubah atau meminda perjalanan dengan atau tanpa notis terlebih dahulu.
- Semua penerbangan dan hotel adalah tertakluk kepada perubahan sehingga pengesahan akhir.
- Tidak semua hotel menyediakan cerek elektrik dan kemudahan seterika.
- Tidak semua hotel mempunyai bilik untuk 3 orang sebilik. Oleh itu, tempat tidur tambahan akan ditambah hanya pada bilik berdua.
- Pasport mesti sah untuk sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh perjalanan.
- Adalah menjadi tanggungjawab ahli-ahli lawatan untuk memastikan bahawa nama mereka tidak disenarai hitam oleh mana-mana badan-badan kawal selia di Malaysia yang boleh melarang perjalanan ke luar negeri.
- Kowamas Holidays Sdn Bhd tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana anggota pelancongan tidak dibenarkan meneruskan perjalanan oleh Imigresen Malaysia dan tambang tidak akan dibayar balik.
- Semua makanan yang disebut dalam program kami adalah sesuai untuk Islam, KECUALI untuk sarapan pagi yang biasanya berdasarkan menu piawai bufet Antarabangsa Semua yang dinyatakan diatas adalah termaktub pada Terma dan syarat Kowamas Holidays Sdn Bhd.

MAKLUMAT AKAUN



Bank : **MAYBANK BERHAD**
Penerima : **KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD**
No Akaun: **5625 6230 4881**

KOWAMAS HOLIDAYS SDN BHD (526807 M) (KPL/LN 6961)

HQ OFFICE

Unit 301 Block A, Level 3, Kelana Business Centre,
97 Jalan SS7/2, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

☎ 03-78030170 | 📠 03-78031260 | ✉ info@kowamasholidays.com

KOTA BHARU BRANCH OFFICE

Lot 2, Ground Floor, Hotel Perdana, Kota Bharu,
Jalan Mahmood, 15200 Kota Bharu, Kelantan

☎ +6012 960 5230 (salam) | ✉ kotabhuru@kowamasholidays.com

JOHOR BAHRU BRANCH OFFICE

G-09D(B), Ground Floor, Puteri Harbour,
Persiaran Puteri Selatan, 79000 Iskandar Puteri, Johor

☎ +6019 331 1079 | ✉ johorbahru@kowamasholidays.com

*Harga tertakluk kepada perubahan tukaran matawang asing semasa

*Tarikh tertakluk kepada surcaj tambahan. Sila hubungi CS Dept kami.